

Negara Islam

Pada bilangan yang lalu telah diterangkan bahawa di antara sifat-sifat negara Islam itu hendaklah ia negara merdeka dan berdaulat, dan pada kali ini hendak dijelaskan pula tentang sifatnya yang lain iaitu:

Negara Agama

Keistimewaan yang utama sekali bagi negara Islam dari segala negara lainnya, ialah sifat keagamaan dan ketuhanan. Demikian besarnya pengaruh keagamaan di dalam negara Islam, sehingga pengarang Inggeris Washington Irving menggambarkan Nabi Muhammad sebagai Yang Dipertua Negara yang pertama: “Pada waktu ia mencapai sebesar-besar kekuasaan, ia (Nabi Muhammad) tetap sejukkan kelakuan dan cara yang sama sederhananya seperti pada masa ia menderita kesukaran. Di dalam pangkat Yang Dipertua Negara, tidaklah suka ia kalau masuk ke dalam sebuah bilik yang dipertunjukkan kehormatan luar biasa kepadanya. Kalau ia menghendaki sebesar-besar daerah, maka daerah yang demikian itu tidak lain dan bukan lain ialah daerah agama belaka.....”

Semangat Islam

Semangat keagamaan dan ketuhanan bukan hanya menguasai sikap dan gerak langkah Yang Dipertua Negara, tetapi seluruh negara dengan segenap alat-alat pemerintahannya, demikian juga sekalian rakyat dan masyarakatnya, adalah

dijiwai oleh semangat keagamaan dan ketuhanan itu.

Sebab itu di samping ia mengemudikan negara maka khalifah sebagai Yang Dipertua Negara Islam juga menjadi pemimpin dan pelindung agama dalam daerahnya.

Memang corak pemerintahan khalifah Islam belum ada bandingannya di dalam sejarah dari dahulu hingga sekarang. Dia menjunjung semangat ketuhanan, tetapi dia juga mengakui peraturan demokrasi, ialah kedaulatan rakyat. Dia berlain dari pemerintahan teokrasi, sebagaimana halnya pemerintahan puak gereja dalam zaman tengah atau kerajaan Paus yang berpusat di Vatican hingga sekarang. Kalau dalam pemerintahan teokrasi puak paderi yang berkuasa, maka ketuhanan dalam Islam tidaklah menimbulkan kasta baharu di dalam masyarakat, kasta puak agama. Bukanlah puak ulama yang berkuasa, bukan fuqahā' atau ahli tafsir atau ahli hadis, tetapi kekuasaan ialah di tangan rakyat.

Ketuhanan bukanlah menjadi susunan pemerintahan, tetapi menjadi jiwa dan semangat negara dan pemerintahan. Tiap-tiap orang dari pemerintah negara, mulai dari Yang Dipertua Negara membawa kepada segala lapisan

rakyat adalah memiliki jiwa ketuhanan dan semangat keagamaan.

Ūlī al-'Amr

Di dalam negara Islam bukanlah puak agama yang berkuasa, dan kekuasaan khalifah bukanlah hanya semata-mata soal keagamaan umatnya, tetapi seperti halnya Yang Dipertua Yang Dipertua Negara yang lainnya, ia memimpin soal-soal kenegaraan dan keduniaan rakyatnya. Ia dipilih oleh rakyat, sebab itu ia dipanggil 'ūlī al-'Amr. Oleh itu, bentuk pemerintahan Islam jauh berbeza dengan segala bentuk pemerintahan yang lainnya, kerana dia meliputi urusan agama dan negara, urusan dunia dan akhirat.

Pemerintahan Islam dan Pemerintahan Demokrasi

Perbezaan yang besar di antara pemerintahan khalifah dan pemerintahan demokrasi ialah di dalam demokrasi tidak ada jaminan tentang soal keagamaan dan ketuhanan, sedang di dalam negara Islam ketuhanan mestilah sejalan dengan perkara-perkara keduniaan. Bahkan sebagai dasar, ketuhanan mestilah mengatasi segala-galanya. Tanggungjawab seseorang Yang Dipertua Negara di dalam pemerintahan demokrasi hanya selesai di hadapan rakyat di dunia ini, tetapi tanggungjawab seorang khalifah masih berlanjutan lagi ke hari akhirat kelak di hadapan Tuhan Yang Maha Kuasa. Dalam pada itu khalifah juga boleh dijatuhkan oleh rakyat menurut garis-garis yang ditetapkan oleh rakyat menurut garis-garis yang ditetapkan dalam perlembagaan (undang-undang dasar).

Corak Keagamaan

Adapun corak keagamaan di dalam negara Islam, terwujud di dalam dasar-dasar yang utama ini:

1. "Di dalam hukum dan peraturan". Jika di dalam negara demokrasi perlembagaan atau undang-undang dasar ialah peraturan yang setinggi-tingginya di dalam negara, maka di dalam negara Islam di atas perlembagaan itu masih

ada hukum yang lebih tinggi ialah hukum Tuhan – Qur'ān dan hadis. Islam menamakan perlembagaan dengan segala peraturan yang dibuat oleh wakil-wakil rakyat (tangan manusia) ialah hukum nazar (hukum dasar) yang wajib ditaati maka Qur'ān dan hadis (yang diwahyukan Tuhan) ialah hukum Ilahi (hukum abadi) yang menjadi punca bagi segala punca hukum dan peraturan. Jadi negara Islam mempunyai dua hukum iaitu hukum dasar (perlembagaan), dan hukum abadi (Qur'ān dan hadis). Demikian juga halnya di samping kedaulatan rakyat masih tetap menjunjung kedaulatan Tuhan.

Dengan demikian, perlembagaan negara Islam mestilah mengandungi fasal-fasal tentang asas-asas keagamaan dan ketuhanan



Ubat beranak yang masyhur ini sangat digemari oleh ibu-ibu yang beranak di serata Tanah Melayu, Sarawak, Brunei dan Siam.

Dengan menggunakan ubat ini **tak payah berdayang – tak payah bersalai**, badan sentiasa sihat dan segar.

Sekotak \$ 15.50 cukup untuk penggunaan sekali beranak. Tambah belanja pos 60 sen.

YAHYA ARIFF

37, Jalan Kangsar, Kuala Kangsar.

itu. Begitu juga di dalam segala undang-undang dan peraturannya, janganlah ada yang bertentangan dengan hukum abadi dari Tuhan itu.

2. “Di dalam pemerintahan dan masyarakat rakyat”.

Selain daripada kementerian-kementerian yang banyak itu, mestilah ada kementerian atau jabatan khas yang pekerjaannya mengurus soal-soal agama. Bukan sahaja kewajipannya menjaga dan melindungi barang-barang yang sudah ada, tetapi mengusahakan sehingga sifat-sifat agama dan semangat ketuhanan betul-betul menjiwai segala lapisan masyarakat rakyat.

3. “Di dalam pendidikan dan pelajaran rakyat”

bagi menjamin akan keteguhan jiwa keagamaan rakyat untuk masa yang akan datang, mestilah ketuhanan dan keagamaan dimasukkan dalam susunan pendidikan dan dijadikan mata pelajaran.

Pendeknya sifat ketuhanan dan keagamaan sayogialah diperhidupkan dalam kalangan pemerintah dan masyarakat rakyat, di dalam hukum (undang-undang) dan kebudayaan kebangsaan, dan di dalam pendidikan manusia sekarang dan manusia yang akan datang.

Soal Menegaskan Agama Islam dalam Perlembagaan

Sekarang sampailah kita kepada soalnya yang penting: Sebagai sebuah negara agama, adakah tiap-tiap negara Islam mesti mencantumkan dasar ketuhanan dan keagamaan di dalam perlembagaannya? Adakah mesti disebutkan dengan tegas, bahawa negara adalah berdasarkan agama Islam, atau misalnya negara ketuhanan atau lainnya?

Dalam zaman orang tergilagila kepada sikap “perkecualian agama” seperti sekarang, amatlah mudahnya orang merasa bosan dan jemu terhadap tiap-tiap apa yang berbau agama dalam negara. Bahkan amat mudah dihamburkan tuduhan “fanatik” dan “kolot” kepada tiap-tiap negara atau tiap-tiap pemimpin atau parti yang

masih mempertahankan dasar agama bagi sebuah negara, apalagi jika datangnya dari negara atau pemimpin Islam.

(Pada hal mereka lupa, bahawa hampir semua negara-negara Eropah yang beragama Kristian, dengan tegas mencatat dalam perlembagaan masing-masing bahawa agama rasmi mereka ialah agama Kristian, (bahkan ada di antaranya yang menerangkan mazhabnya sekali – P.)

Mazhab Rasminya

Jika disiasat perlembagaan-perlembagaan negara-negara Islam akan didapati ada di antaranya yang menyebutkan di dalam perlembagaannya bukan sahaja agama Islam yang menjadi agama rasminya, tetapi ditegaskan pula mazhabnya yang rasmi.

Iran dan Afghanistan

Misalnya negara Iran, perlembagaannya bertarikh 7 Oktober 1907, fasal 1 menyatakan: “Agama rasmi negara Parsi ialah Islam, dan mazhabnya ialah mazhab *’Ithnā ‘Ashariyyah* (mazhab 12 imam) – salah satu mazhab Shi‘ah. Shah (raja) Parsi sendiri dimestikan bermazhab dengan mazhab yang tersebut bertanggungjawab dalam mengembangkannya. Dalam fasal 2 ditegaskan bahawa segala peraturan negara hendaklah disesuaikan dengan hukum suci Islam.

Negara Afghanistan pula menegaskan dalam perlembagaan yang bertarikh 22 Februari 1933, fasal 1 seperti berikut: “Agama negara Afghanistan ialah agama Islam yang suci, dan mazhab yang rasmi yang diamalkan oleh penduduknya ialah mazhab Hanafi, Raja Afghanistan hendaklah berpegang dengan mazhab ini”.

Mesir, Iraq dan Turki

Selain daripada itu, ada pula yang hanya menyebutkan agama rasmi sahaja, seperti yang terkandung dalam perlembagaan Mesir: “Islam ialah agama negara, dan

bahasa Arab ialah bahasa rasmi". Demikian juga

yang terkandung dalam perlembagaan Iraq.

Perlembagaan Turki pula telah menerima perubahan beberapa kali mengenai agama rasmi. Perlembagaan yang pertama,

bertarikh 20 April 1924, fasal 2, berbunyi: "Agama

negara Turki ialah Islam, bahasa rasminya bahasa Turki

dan pemerintahannya berkedudukan di Ankara". Pada 10 April

1928 dan kemudian pada 5 Februari 1937, perkataan

"agama negara Turki ialah Islam" dihapuskan.

Demikian pula pada mulanya fasal 26 mengandungi perkataan:

"Dewan perwakilan rakyat menjalankan perintah syariah".

Kemudian perkataan itu dihapuskan.

Indonesia dan Pakistan

(Umat Pakistan telah mengisytiharkan negaranya

menjadi sebuah negara Islam, manakala umat Indonesia

masih berjuang hendak menegakkan negara Islam

(Indonesia). Perlembagaan Indonesia masih

selesai diperbuat.

Sudah Sampai Saatnya

Sesudah datang saatnya umat Islam mesti

bertegas-tegas di hadapan mata manusia seluruh dunia

mengisytiharkan bahawa negara mereka ialah negara agama,

negara ketuhanan, negara Islam. Dengan beransur-ansur

tetapi terus-menerus, tepat dan tegas, dasar agama

mestilah menjadi mata perjuangan yang utama, yang tidak

akan diberhentikan sebelum maksud itu tercapai dengan

lengkap dan sempurna.

(dari buah Qalam al-Ustādh Zainal Abidin Ahmad)

DISEBUT DI DALAM

SIARAN PEJABAT PELAJARAN SELANGOR

No. 16/58

(Bahagian Melayu)

Sepuluh buku-buku penerbitan Qalam ada-lah di-sebut

di-dalam Siaran Pejabat Pelajaran Selangor sa-bagai

buku-buku yang telah di-semak.

Saya berpendapat buku-buku ini ada-lah sangat sesuai

di-jadikan buku-buku tambahan bacaan dan buku-buku Kutub

Khanah di-Sekolah-sekolah Umum Selangor.....", kata

Ketua Pegawai Pelajaran Selangor.

Buku-buku Rumi Qalam

BUKU-BUKU CHERITA SEJARAH

1. Cherita-cherita Sejarah I	\$1.00
2. Cherita-cherita Sejarah II	1.00
3. Bangkai Bernyawa	1.00
4. Sisa Neraka Dunia	1.20
5. Balek dari Medan Perjuangan	1.00
6. Keris Sempena Riau	1.00

BUKU-BUKU SASTRA dan KEBUDAYAAN

7. Teras Kebudayaan Nasional	1.50
8. Kesan Kesusasteraan Tua Di-Tanah Ayer	2.00
9. Tinjauan Sastera Tanah Ayer	1.50